



MALAYSIA



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, SEMENANJUNG MALAYSIA

DASAR PERBANDARAN NEGARA

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Jalan Cenderasari 50646 Kuala Lumpur

[www.townplan.gov.my/dpn](http://www.townplan.gov.my/dpn)

ISBN 983-42643-2-1



9 789834 264321



**MALAYSIA**



**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia**  
Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan

**8 OGOS 2006**





## PERUTUSAN Perdana Menteri Malaysia



Pembangunan negara dipandu oleh misi nasional iaitu Wawasan 2020 yang memmanifestasikan dan mengaspirasikan sebuah negara Malaysia yang maju sepenuhnya dari segi ekonomi, sosial, politik dan kerohanian menjelang tahun 2020. Negara kini telah memasuki fasa kedua ke arah pencapaian Wawasan 2020. Proses globalisasi yang pesat, kemajuan dalam bidang sains dan teknologi serta keperluan untuk menguasai ekonomi yang berasaskan pengetahuan memerlukan negara berada di landasan yang kukuh untuk kekal kompetitif dan berdaya saing agar seiring dengan negara-negara lain. Dalam konteks ini, arah tuju pembangunan negara perlu dirancang dan diurus dengan sistematik serta komprehensif bagi merangsang keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global.

Bandar merupakan salah satu sektor pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pusat pelaburan terpenting bagi negara. Sektor bandar berperanan dalam menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk menjalankan kegiatan ekonomi selain menjadi tempat tumpuan untuk aktiviti rekreasi dan sosial. Dalam hal ini, bandar perlu berupaya menawarkan persekitaran kawasan yang kompetitif, berdaya saing serta terbaik bagi menyokong segala bentuk aktiviti di dalamnya. Semenanjung Malaysia dijangka mengalami proses perbandaran yang pesat menjelang tahun 2020, di mana kebanyakan penduduknya akan bertumpu di kawasan-kawasan

bandar. Penduduk yang ramai ini memerlukan lebih banyak ruang bagi penyediaan kawasan perumahan, kemudahan awam, dan infrastruktur. Justeru itu, sumber jaya negara perlu digunakan secara optimum dan seimbang dengan memastikan pembangunan yang dilaksanakan menghasilkan pulangan yang baik dan pada masa yang sama kepentingan aspek pemeliharaan alam sekitar perlu terus menjadi keutamaan.

Dasar Perbandaran Negara (DPN) disediakan bertujuan memastikan bandar-bandar dapat berperanan secara optimum sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara dan mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi melalui proses perbandaran yang lebih terancang dan sistematik. Aspirasi DPN adalah selari dengan misi nasional untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Saya berharap dengan terlaksananya kesemua dasar ini, bandar-bandar kita akan dapat dimajukan secara efisien, efektif dan diurustadbir secara seimbang, dengan seterusnya berupaya menjadi bandar bertaraf dunia yang setanding dengan negara-negara lain.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri Malaysia



## PERUTUSAN Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengalu-alukan penyediaan Dasar Perbandaran Negara (DPN) yang bertujuan untuk mewujudkan bandar yang berwawasan dengan komuniti dan kehidupan yang sejahtera. Ianya adalah selari dengan Misi Nasional dan Kementerian untuk menyediakan suatu persekitaran hidup yang sihat, selamat, sejahtera dan indah untuk pembangunan sosio-ekonomi dan masyarakat Malaysia yang maju dan berdisiplin.

Penyediaan DPN ini adalah tepat pada masanya memandangkan negara kini sedang mengalami proses perbandaran yang pesat. Dalam konteks Semenanjung Malaysia sahaja, kadar perbandaran negara dijangka akan meningkat sehingga 75% menjelang tahun 2020. Peningkatan ini akan menyaksikan timbulnya pelbagai implikasi yang negatif dari proses pembangunan perbandaran sekiranya ia tidak diurus dengan baik. Antara isu-isu perbandaran yang menjadi perhatian kerajaan adalah seperti kemiskinan bandar, peningkatan kadar jenayah, pembuangan sisa pepejal, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah, pemeliharaan alam sekitar, pencemaran dan sebagainya. Isu-isu ini perlu ditangani secara holistik bagi memastikan peranan bandar sebagai enjin pertumbuhan ekonomi terus dikekalkan dan diperkukuhkan. Bandar-bandar

perlu diurustadbir dengan efisien dan efektif bagi mewujudkan suasana persekitaran hidup yang mampan dan selesa sebagai tempat untuk bekerja dan didiami. Pada masa yang sama, keunikan bandar perlu dipelihara bagi mengekalkan imej dan identitinya yang tersendiri.

Dasar Perbandaran Negara (DPN) ini bertujuan memberi halatuju kepada agensi-agensi Kerajaan dalam merancang, melaksana dan mengurus perkhidmatan bandar. Bagi memastikan keberkesanannya, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia akan bertanggungjawab memantau pelaksanaan DPN. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam perancangan, pembangunan dan pentadbiran bandar untuk melaksanakan dasar-dasar tersebut dengan baik. Justeru itu, semua pihak terutama sekali pihak berkuasa tempatan perlu mengambil pendekatan yang lebih berinovasi, telus dan cekap dalam usaha membangun dan mewujudkan bandar-bandar yang berkualiti, sejahtera, berdaya saing dan progresif.

**Dato' Seri Ong Ka Ting**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



**PRAKATA**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia**




Bandar merupakan pemangkin dan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, pusat bagi inovasi dan keusahawanan, serta sumber perkhidmatan sosial yang tinggi. Urustadbir bandar yang efisien dan efektif dapat membantu menjana pembangunan negara yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Oleh yang demikian, potensi pembangunan yang wujud di bandar perlu terus digunakan dan disokong agar ianya berupaya menawarkan perkhidmatan dan lokasi pelaburan pada tahap yang tinggi. Penyediaan Dasar Perbandaran Negara (DPN) ini adalah usaha Jabatan bagi menyahut aspirasi negara untuk mewujudkan pembangunan seimbang yang bukan hanya berorientasikan kepada pembangunan ekonomi tetapi merentasi aspek sosial dan kerohanian sepertimana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) dan Misi Nasional.

DPN ini berfungsi memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan bandar supaya lebih efisien dan efektif bagi menghadapi cabaran-cabaran masa kini dan hadapan serta memastikan pencapaian matlamat negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. DPN akan dijadikan sebagai rangka kerja asas dalam segala perancangan, pembangunan dan pentadbiran bandar-bandar di Malaysia. Penyediaan DPN ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 6B(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan 2001) Akta A1129 dan

Bab 21 Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) di bawah tajuk 'Perkhidmatan Bandar'. Penggubalan DPN adalah melalui proses perundingan dengan pelbagai agensi persekutuan, negeri dan tempatan termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi, Sektor Korporat dan Pakar-pakar dari seluruh negara.

DPN ini memberi tumpuan kepada enam teras utama yang menggariskan strategi ke arah mewujudkan bandar yang selamat, bersistematik, moden dan menarik. Sebanyak 30 dasar telah digubal yang merangkumi pelbagai aspek penting dalam perancangan, pembangunan dan pentadbiran bandar-bandar di negara ini. Adalah diharapkan dengan adanya DPN ini, segala bentuk perancangan pembangunan bandar-bandar di Malaysia akan dapat dilaksanakan dengan terancang, seimbang, berkualiti, mampan dan sejahtera ke arah pencapaian matlamat negara untuk maju sepenuhnya dari segi ekonomi, sosial, politik dan kerohanian menjelang tahun 2020.

**Dato' Mohd. Fadzil bin Hj. Mohd. Khir**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia



# ISI KANDUNGAN

- 9 Pengenalan
- 10 Tujuan Dasar Perbandaran Negara
- 12 Isu Dan Cabaran
- 28 Falsafah
- 31 Matlamat
- 32 Objektif
- 35 Teras Dasar Perbandaran Negara
  - Teras 1: Pembangunan Perbandaran Yang Efisien Dan Mampan
  - Teras 2: Pembangunan Ekonomi Bandar Yang Kukuh, Dinamik dan Berdaya Saing
  - Teras 3: Sistem Pengangkutan Bandar Yang Bersepadu dan Efisien
  - Teras 4: Penyediaan Perkhidmatan Bandar, Infrastruktur dan Utiliti Yang Berkualiti
  - Teras 5: Pewujudan Persekitaran Kehidupan Bandar Yang Sejahtera dan Beridentiti
  - Teras 6: Tadbir Urus Bandar Yang Efektif
- 68 Pelan Tindakan Pelaksanaan
- 88 Lampiran
- 108 Penghargaan





 1.0 PENGENALAN

Bandar sebagai enjin pertumbuhan ekonomi mempunyai peranan yang amat penting dalam pencapaian wawasan negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Sepanjang dua dekad yang lalu tahap perbandaran telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dan dijangka akan terus meningkat pada masa akan datang. Bagi menangani dan mengurus peningkatan ini dengan baik, wujud keperluan terhadap perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan perbandaran yang lebih sistematik dan efisien supaya kualiti hidup yang lebih baik dapat dinikmati oleh komuniti bandar.

Potensi perkembangan bandar perlu dirancang dengan sebaik mungkin selaras dengan perubahan teknologi dan cabaran globalisasi supaya dapat memberi sumbangan yang maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara. Namun demikian pembangunan bandar sedia ada menghadapi pelbagai masalah fizikal dan sosial ekoran daripada pembangunan yang tidak dilaksanakan dengan seimbang. Sehubungan itu satu rangka asas yang lebih menyeluruh dan bersepadu untuk memandu proses perbandaran di negara ini perlulah diwujudkan melalui penggubalan Dasar Perbandaran Negara.

Keperluan penyediaan DPN telah ditekankan di dalam RMK-8 dan RMK-9 di mana DPN perlu digubal untuk meningkatkan keberkesanan kualiti perkhidmatan bandar ke arah mewujudkan bandar yang selamat, bersistematik, moden dan menarik. Peruntukan di bawah Bahagian IIB, Seksyen 6B (3), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) yang dipinda pada tahun 2001 (Akta A1129), juga menyatakan keperluan bagi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa menimbang dasar perbandaran negara atau dasar lain yang serupa dalam menyediakan draf Rancangan Fizikal Negara (RFN).





## 2.0 TUJUAN DASAR PERBANDARAN NEGARA

Dasar Perbandaran Negara merupakan dasar yang memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan perbandaran negara supaya lebih efisien dan sistematik khususnya bagi mengurus peningkatan jumlah penduduk bandar pada tahun 2020 dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di dalam bandar. Ia juga akan dijadikan asas untuk menggalakkan integrasi dan perpaduan kaum yang akan tinggal dalam kawasan bandar.

Dasar Perbandaran Negara akan dijadikan teras utama dalam semua aktiviti perancangan dan pembangunan bandar di Semenanjung Malaysia termasuk penyediaan rancangan-rancangan pemajuan di peringkat negeri dan tempatan. Dasar ini akan menggariskan perkara-perkara teras, dasar-dasar, langkah-langkah dan pelan tindakan perlaksanaan bagi menyelaras dan mengurus perbandaran negara.



## 3.0 ISU DAN CABARAN

Dalam menghadapi proses perbandaran, terdapat beberapa isu utama yang dihadapi oleh bandar-bandar di seluruh negara. Antara isu-isu tersebut adalah:

### i. Kadar Perbandaran yang Pesat

Pembangunan perbandaran di Semenanjung Malaysia telah berkembang dengan pesatnya terutama sejak dua dekad yang lalu di mana kadar perbandaran telah meningkat daripada 54.3% kepada 65.4% dalam tempoh antara tahun 1991 ke tahun 2000. Adalah dijangkakan kadar ini akan meningkat kepada 75% menjelang tahun 2020. Pertambahan penduduk ini kebanyakannya bertumpu di konurbasi-konurbasi utama seperti Kuala Lumpur, George Town, Johor Bahru dan Kuantan. Peningkatan penduduk yang tinggi ini memerlukan pertambahan kawasan-kawasan baru bagi pembangunan kawasan perumahan, kemudahan awam, perniagaan dan gunatanah bandar yang lain. Ketiadaan had pembangunan bandar yang jelas telah mewujudkan 'urban sprawl' yang menyebabkan pembangunan telah menjangkau ke kawasan sensitif alam sekitar, kawasan pertanian utama dan lain-lain kawasan yang tidak sesuai untuk dibangunkan.

Selain itu, ketidakpatuhan kepada rancangan pemajuan yang telah disediakan telah menyumbang kepada kewujudan masalah ini. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai masalah perbandaran seperti pencemaran alam sekitar, kesesakan Lalulintas, kewujudan kawasan-kawasan 'brownfield', kehilangan daya tarikan dalam kawasan bandar, kemerosotan kualiti infrastruktur, kekurangan kawasan hijau dan kemudahan awam yang lain; hingga menyebabkan penurunan kualiti hidup bandar.

Masalah percanggahan gunatanah masih wujud terutamanya di bandar-bandar yang mengalami pembangunan yang pesat memandangkan permintaan gunatanah di kawasan-kawasan strategik adalah tinggi. Kewujudan kilang-kilang haram di kawasan bandar telah menimbulkan banyak masalah pencemaran alam sekitar. Ini kerana kilang-kilang haram tidak dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang sepatutnya. Banyak aktiviti industri terutamanya kemudahan-kemudahan perusahaan kecil dan sederhana (SME) dibina secara bertaburan di lokasi-lokasi yang tidak sesuai serta tidak diurus dengan baik. Situasi ini perlu diatasi melalui perancangan, pemantauan dan pengurusan yang lebih baik terhadap kemudahan aktiviti ekonomi di kawasan bandar.





## ii. Penurunan Kualiti Alam Sekitar

Masalah yang timbul daripada proses perbandaran yang pesat telah menyebabkan penurunan kualiti alam sekitar terutamanya kualiti air, udara dan bunyi. Banyak sungai yang menjadi sumber utama air telah mengalami kemerosotan kualiti air disebabkan oleh sisa buangan isi rumah, efluen dari sektor perindustrian, pepejal terampai dari hakisan tanah dan sisa logam berat dari kilang. Berdasarkan laporan Jabatan Alam Sekitar, terdapat sebanyak 9 lembangan sungai dalam keadaan tercemar pada tahun 2004 dan antaranya adalah Sungai Klang dan Sungai Buloh di Selangor, Sungai Juru di Pulau Pinang serta Sungai Segget di Johor.



Pencemaran udara pula meningkat disebabkan oleh pelepasan (emission) daripada kenderaan, pembangunan industri dan penggunaan bahan api yang tidak mesra alam. Status kualiti udara pada tahap tidak sihat dicatatkan di kawasan bandar disebabkan oleh kepekatan habuk halus di bawah saiz 10 mikron ( $PM_{10}$ ) yang tinggi iaitu pada bacaan  $52 \mu\text{g}/\text{m}^3$  berbanding  $50 \mu\text{g}/\text{m}^3$  yang dibenarkan didalam Garispanduan Kualiti Udara Persekitaran Malaysia. Selain itu, aktiviti manusia yang bertambah dengan kepadatan yang tinggi juga telah menjana paras bunyi hingar di kawasan bandar. Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling tahun 2002 menunjukkan paras bunyi di kawasan perumahan (di dalam bandar) kebanyakannya melebihi paras yang disyorkan oleh 'World Health Organisation' (melebihi 65dBA). Lebih kurang 90% daripada punca pencemaran bunyi ini adalah daripada kenderaan.

Bilangan penduduk yang meningkat dalam kawasan bandar telah menjana kuantiti buangan sisa pepejal yang sangat tinggi dan memberi tekanan kepada keperluan penyediaan tapak pelupusan di dalam kawasan bandar. Mengikut RMK-9, jumlah sisa pepejal yang dijana di Semenanjung Malaysia meningkat daripada 16,200 tan metrik sehari pada tahun 2001 kepada 19,100 tan metrik sehari pada tahun 2005 dan sekiranya tidak diuruskan dengan baik ia akan memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan kualiti hidup penduduk bandar.







### iii. Ekonomi Bandar yang Kurang Berdaya Saing

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meramalkan 60 peratus penduduk dunia bersamaan lima bilion orang akan bermastautin di kawasan bandar menjelang tahun 2030. Dengan lebih tiga-perempat populasi tinggal di kawasan bandar di Malaysia menjelang tahun 2020, permintaan untuk pekerjaan di pusat-pusat bandar akan meningkat dengan signifikan. Ini akan memberi tekanan untuk mewujudkan bilangan pekerjaan yang mencukupi di kawasan bandar bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah dan pada masa yang sama mengurangkan kadar pengangguran di tahap yang boleh diterima. Kadar pengangguran yang tinggi mengakibatkan pelbagai isu sosial yang bersabit dengan kemiskinan, jenayah dan kacau ganggu. Tekanan untuk mewujudkan pekerjaan akan menjadi lebih intensif dalam konurbasi bandar yang dijangka akan berhadapan dengan persaingan daripada bandaraya-bandaraya lain di serata dunia hasil daripada globalisasi dan proses meliberalisasi perdagangan. Ini disebabkan konurbasi bandar dijangka akan menerajui negara dalam pencarian pelaburan asing dan dengan itu menjadi pusat-pusat yang kompetitif dalam menarik pelabur.

Oleh itu, satu daripada cabaran ekonomi bandar adalah menjadikan kawasan bandar sebagai pusat-pusat pelaburan dan perniagaan. Kawasan bandar ini perlu berupaya menarik pelaburan dan perniagaan tempatan dan asing untuk memiliki ekonomi yang berdaya maju dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi.

Dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan bandar, tumpuan yang perlu diberi adalah pewujudan kekayaan yang diagihkan secara saksama di kalangan penduduk untuk mengurangkan masalah kemiskinan dalam bandar. Walaupun kadar kemiskinan bandar menunjukkan penurunan dan berada pada paras 2.0% pada tahun 2002, tetapi beberapa kajian telah membuktikan wujudnya masalah kekurangan perumahan dan kemudahan asas serta penurunan kualiti hidup di kalangan penduduk bandar. Dari segi profil miskin bandar berdasarkan Laporan RMK-9, pada tahun 2004 didapati insiden miskin bandar menunjukkan peratusan yang tertinggi di kalangan Bumiputera iaitu 4.1% dibandingkan dengan kumpulan etnik Cina 0.4 % dan India 2.4%. Oleh kerana golongan Bumiputera kurang kemahiran dan pendidikan yang bersesuaian, kebanyakannya telah melibatkan diri dalam sektor tidak formal sebagai sumber pekerjaan. Oleh sebab pekerjaan di sektor tidak formal adalah tidak terjamin dan berpendapatan lebih rendah mereka mudah terjerat ke dalam lingkungan kemiskinan. Oleh itu, perancangan jangka panjang perlu dibuat untuk mengadakan program-program yang dapat meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan bagi golongan miskin bandar yang kebanyakannya adalah golongan Bumiputera.





#### iv. Sistem Pengangkutan yang Tidak Cekap

Berdasarkan maklumat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, bilangan pendaftaran kenderaan untuk seluruh Malaysia adalah 14.8 juta kenderaan pada tahun 2005. Daripada jumlah ini 47% adalah motosikal dan 44% adalah kereta persendirian dan selebihnya adalah kenderaan perdagangan, kenderaan perkhidmatan awam dan lain-lain. Bilangan pemilikan kenderaan persendirian yang tinggi telah memberi tekanan kepada kapasiti rangkaian jalanraya sedia ada terutamanya di bandar-bandar besar seperti konurbasi Kuala Lumpur dan konurbasi Georgetown. Di samping itu, ketidakcekapan kemudahan pengangkutan awam menyebabkan penduduk bandar lebih cenderung menggunakan kenderaan persendirian daripada menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Mengikut Kajian Integrasi Pembangunan Pengangkutan Awam dan Guna Tanah Lembah Klang pada tahun 2003, nisbah penggunaan kenderaan persendirian berbanding pengangkutan awam adalah 89:11. Kedua-dua faktor ini telah menyumbang kepada masalah kesesakan yang teruk di bandar-bandar tersebut. Keadaan ini pada jangka panjang akan memberi kesan negatif kepada daya saing dan tarikan bandar-bandar untuk menarik pelabur luar dan dalam negara.



Pada dasarnya, sistem pengangkutan semasa tidak mampu menangani masalah kesesakan jalan dan memberi perkhidmatan yang menerapkan prinsip-prinsip keselamatan dan mesra pengguna kepada penduduk bandar. Kemudahan-kemudahan pengangkutan disediakan tanpa mengambilkira keperluan integrasi antara mod-mod pengangkutan yang berlainan yang menyebabkan kesukaran kepada pengguna dalam membuat pertukaran mod pengangkutan. Penyediaan infrastruktur fizikal bagi sistem pengangkutan awam seperti laluan pejalan kaki berbumbung dan perhentian bas yang dapat meningkatkan keselesaan pengguna masih kurang diberi penekanan.

Rangkaian jalan di kawasan bandar-bandar bersaiz sederhana dan kecil juga masih belum dibangunkan ke tahap optimum. Kebanyakan jalan-jalan utama di bandar-bandar ini menjadi laluan terus kepada trafik yang melalui kawasan bandar kerana kekurangan jalan-jalan alternatif dan seterusnya menimbulkan kesesakan pada waktu-waktu tertentu. Lebih banyak rangkaian jalan diperlukan bagi meningkatkan aksesibiliti ke kawasan bandar dan pergerakan di dalam bandar itu sendiri.





#### v. Kemerostan Kualiti Hidup Penduduk Bandar

Isu penurunan kualiti hidup di dalam bandar merupakan antara isu utama kesan daripada pembangunan bandar yang tidak diuruskan dengan baik. Untuk menjadi sebuah bandar yang maju dan mampan ciri yang perlu adalah kualiti infrastruktur sokongan dan kualiti hidup yang tinggi yang dihasilkan melalui penyediaan perumahan, pendidikan, rekreasi dan kemudahan-kemudahan kesihatan yang mencukupi.

Dari aspek penyediaan perumahan, isu utamanya adalah kekurangan penyediaan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Walaupun secara amnya kemudahan perumahan telah disediakan melebihi dari keperluan sebenar, bekalan perumahan untuk golongan miskin bandar sentiasa tidak mencukupi kerana harga rumah adalah diluar kemampuan mereka.



Di bawah RMK-8, banyak program perumahan kos rendah seperti Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dilaksanakan di kawasan bandar-bandar, namun ia masih belum dapat menangani isu kekurangan rumah kos rendah sehingga kini. Dalam tempoh RMK-8, jumlah pencapaian penyediaan rumah kos rendah adalah sebanyak 200,519 unit rumah berbanding dengan sasarannya iaitu sebanyak 232,000 unit rumah. Kekurangan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah telah menyebabkan wujudnya petempatan-petempatan setinggan di kawasan-kawasan bandar utama di dalam negara. Kewujudan kawasan-kawasan setinggan yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang sempurna telah menimbulkan banyak masalah kepada persekitaran kawasan bandar dan kesan sampingan seperti gejala sosial termasuklah masalah pendidikan anak-anak, jenayah, dadah, salah laku dan lain-lain.

Dari segi penyediaan kemudahan awam, didapati penyediaan kawasan-kawasan rekreasi adalah tidak mencukupi bagi keseluruhan bandar di Malaysia. Selain itu penyediaan kemudahan awam di kawasan bandar menghadapi masalah penyelenggaraan dan juga didapati tidak mesra pengguna terutamanya dari segi lokasi dan rekabentuk di mana kebanyakannya masih tidak mengambilkira keperluan pengguna golongan istimewa, kanak-kanak dan warga tua. Perbuatan merosakkan harta awam (vandalisme) juga wujud dan menjadikan kemudahan awam yang disediakan tidak dapat digunakan sebaiknya.



Pertumbuhan penduduk bandar yang pesat juga telah meningkatkan keperluan terhadap kemudahan infrastruktur dan utiliti yang mana tidak dapat ditampung oleh kemudahan sedia ada. Pembangunan kawasan-kawasan perumahan dan perindustrian sering tidak dikaitkan dengan daya tampung utiliti terutamanya bekalan air. Bandar-bandar terutama dalam konurbasi Kuala Lumpur sering menghadapi masalah gangguan bekalan air yang tidak mencukupi. Masalah banjir kilat juga sering terjadi disebabkan sistem perparitan yang tidak dapat menampung kuantiti air larian yang semakin tinggi akibat peningkatan aktiviti perbandaran. Terdapat kemudahan yang tidak dapat disediakan dengan sempurna disebabkan ianya perlu dirancang secara menyeluruh pada tahap wilayah dan tidak dapat diselesaikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan secara individu contohnya penyediaan tapak-tapak pelupusan sisa pepejal dan bahan toksik. Infrastruktur dan utiliti yang tidak diselenggarakan dengan baik dan masalah penyelarasan agensi-agensi yang terlibat dalam penyediaan kemudahan-kemudahan ini telah menambahkan kerumitan masalah tersebut.



Dari segi kualiti perkhidmatan bandar yang disediakan secara amnya masih terdapat isu-isu mengenai kualiti perkhidmatan yang rendah dan tidak dapat memenuhi keperluan penduduk. Penyelenggaraan perkhidmatan bandar yang tidak efisien seperti penyelenggaraan perparitan dan pemungutan sampah telah menimbulkan pelbagai masalah seperti banjir kilat dan masalah kesihatan awam. Bagaimanapun, kualiti perkhidmatan bandar seperti penyelenggaraan sistem perparitan, pungutan sampah, pembersihan kawasan dan penyelenggaraan tempat-tempat awam adalah berbeza bergantung kepada keupayaan Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir bandar berkenaan. Bandar-bandar yang terletak di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang besar dan mempunyai kewangan yang kukuh akan mendapat perkhidmatan yang lebih berkualiti dibandingkan dengan bandar-bandar yang ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih kecil.

Bandar-bandar di Malaysia juga telah mengalami kemerosotan kualiti hidup dari aspek keselamatan. Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2004 menunjukkan dalam tempoh 1990 – 2002 indeks keselamatan awam telah menurun sebanyak 19.9 mata. Purata kes jenayah telah meningkat daripada 3.8 kes pada tahun 1990 kepada 6.2 kes pada tahun 2002. Komponen keselamatan menjadi semakin penting kerana kebelakangan ini jenayah yang melibatkan kes ragut, pecah rumah dan kecurian semakin kerap berlaku. Aspek keselamatan adalah berkait dengan kesejahteraan sosial dan kedua-duanya merupakan prasyarat kepada pembangunan mampan dan stabil. Oleh itu ia perlu ditangani untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk di kawasan bandar.









#### vi. Kurang Penekanan Terhadap Rekabentuk Bandar dan Pemuliharaan Warisan

Implikasi yang dibawa oleh proses perbandaran mahupun globalisasi telah membawa perubahan yang drastik khususnya kepada imej bandar-bandar utama. Kebanyakan bandar di Malaysia masih lemah dalam memberi satu identiti yang jelas dan karakter yang tersendiri. Kemasukan pengaruh dari luar telah mewujudkan lebih banyak bandar bersifat global seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru. Bandar-bandar ini dengan penonjolan imej kosmopolitan, mempunyai kecenderungan menjadi homogeneous dan risiko kehilangan identiti. Pembangunan yang terlalu pesat dan polisi 'laissez-faire' telah menghasilkan pembangunan yang kurang menarik dan susunatur yang kurang kreatif. Pembangunan sedia ada lebih mengutamakan penggunaan tanah optima dan mendapat keuntungan dalam jangka pendek. Ini telah menyebabkan kepentingan rekabentuk bandar telah diabaikan dalam mewujudkan satu persekitaran bandar yang lebih selesa dan berkarakter.

Pada masa yang sama, pembangunan yang pesat juga telah memberi tekanan kepada persekitaran kawasan warisan. Usaha-usaha pengekalan dan pemuliharaan warisan terutamanya dalam kawasan bandar menjadi sukar bilamana pemilik-pemilik bangunan dan pihak pemaju lebih berminat untuk membangunkan pusat-pusat perniagaan baru yang lebih menguntungkan.



### vii. Tadbir Urus Bandar yang Kurang Berkesan

Dalam menghadapi proses urbanisasi yang pesat menjelang tahun 2020, tadbir urus bandar berdepan dengan pelbagai cabaran yang amat kompleks. Cabaran-cabaran tadbir urus bandar ini memerlukan pihak terbabit lebih fokus dalam menjalankan setiap tanggungjawab terhadap pembangunan bandar. Bagaimanapun, penglibatan banyak agensi dan jabatan dalam pengurusan bandar menyebabkan banyak tindakan sukar untuk diselaraskan dan menjejaskan keberkesanan tindakan-tindakan tersebut.





Pengurusan dan pentadbiran bandar yang baik juga perlu mengambilkira keupayaan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai tahap kemampuan yang berbeza dari segi gunatenaga, kemahiran dan kemampuan kewangan untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk sesuatu bandar. Terdapat jurang perbezaan yang besar antara harapan yang diletakkan oleh masyarakat terhadap sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan dengan kemampuannya untuk memenuhi harapan tersebut. Kepelbagaian peranan yang diharap dapat dimainkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjadikan bandar yang sejahtera dengan kualiti hidup yang tinggi memberi tekanan kepada mereka untuk mempunyai organisasi yang kukuh. Tekanan lebih dirasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang bersaiz sederhana dan kecil yang tidak berkemampuan dari segi kewangan, gunatenaga, kemahiran dan peralatan untuk menyediakan perkhidmatan yang diharapkan.



Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu berdepan dengan kepelbagaian citarasa dan kepentingan kumpulan masyarakat yang mesti dipenuhi, serta pelbagai isu sosial dan pengaruh negatif yang dihadapi. Kerjasama, penglibatan dan sokongan masyarakat amat diperlukan untuk menanganinya. Bagaimanapun, penglibatan masyarakat yang rendah terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan juga menyebabkan hasrat Pihak Berkuasa Tempatan untuk melibatkan masyarakat dalam perancangan dan pembangunan kawasan bandar juga tidak dapat dipenuhi.



## 4.0 FALSAFAH

Pembentukan dasar-dasar perbandaran perlu berasaskan kepada falsafah bandar yang sejahtera merangkumi perkara-perkara berikut:

- Menjana pembangunan ekonomi bagi kemakmuran negara yang boleh dikongsi dan dinikmati bersama.
- Menyediakan perkhidmatan bandar, kemudahan awam, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti untuk keselesaan dan kesejahteraan penduduk.
- Menekankan aspek keselamatan di dalam bandar.
- Memastikan keindahan rekabentuk dan kualiti fabrik bandar berasaskan kebudayaan tempatan negara.
- Memberi fokus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- Menggalakkan pembangunan sosial dan perpaduan nasional.
- Menggalakkan penduduk untuk melibatkan diri dalam membangunkan komuniti masing-masing dengan peningkatan tadbir urus yang lebih efisien dan berkesan.
- Membasmi kemiskinan bandar.
- Sensitif dan inovatif kepada perkembangan dan kemajuan teknologi.









## 5.0 MATLAMAT

Pembangunan perbandaran perlu mempunyai matlamat ke arah mewujudkan persekitaran yang dapat merealisasikan komuniti dan kehidupan yang sejahtera; yang mana memerlukan keseimbangan dalam semua aspek pembangunan iaitu fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Ini adalah selaras dengan usaha ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju. Untuk mencapai hasrat ini, pengubalan Dasar Perbandaran Negara adalah berpandukan kepada matlamat berikut :

**Mewujudkan Bandar  
Berwawasan dengan Komuniti  
dan Kehidupan yang Sejahtera  
Menerusi Pembangunan  
Perbandaran yang Mampan**





## 6.0 OBJEKTIF

Berdasarkan kepada matlamat di atas, enam objektif telah dikenalpasti iaitu:

- i. Membangunkan bandar yang terancang, berkualiti, progresif dan mampan;
- ii. Membangun dan memperkukuhkan ekonomi bandar yang berdaya saing;
- iii. Mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pembangunan sosial ;
- iv. Membasmi kemiskinan bandar;
- v. Memperkukuhkan sistem perancangan, pelaksanaan dan pemantauan;
- vi. Memantapkan institusi pentadbiran dan pengurusan bandar.









## 7.0 TERAS DASAR PERBANDARAN NEGARA

Dasar Perbandaran Negara digubal berdasarkan enam teras berikut:

- i. Pembangunan Perbandaran yang Efisien dan Mampan
- ii. Pembangunan Ekonomi Bandar yang Kukuh, Dinamik dan Berdaya Saing
- iii. Sistem Pengangkutan Bandar yang Bersepadu dan Efisien
- iv. Penyediaan Perkhidmatan Bandar, Infrastruktur dan Utiliti yang Berkualiti
- v. Pewujudan Persekitaran Kehidupan Bandar yang Sejahtera dan Beridentiti
- vi. Tadbir Urus Bandar yang Efektif





### **Teras 1: PEMBANGUNAN PERBANDARAN YANG EFISIEN DAN MAMPAN**

Pembangunan perbandaran perlu mempunyai satu panduan yang jelas untuk memberi arahnya corak pembangunan bandar-bandar pada masa akan datang supaya perkembangan bandar dapat berlaku dengan cara yang terurus dan teratur. Ia juga perlu berdasarkan kepada satu sistem hierarki yang jelas supaya penyediaan dan pengagihan kemudahan infrastruktur dan awam dapat disediakan dengan lebih efisien dan seterusnya dapat mengelakkan pembaziran sumber-sumber negara.

Pembangunan kawasan perbandaran perlulah dilaksanakan dalam kawasan yang ditetapkan untuk memastikan tiada berlakunya 'urban sprawl'. Untuk tujuan ini, pembangunan gunatanah perlu dilaksanakan berdasarkan rancangan pemajuan yang diterimapakai serta mematuhi segala dasar, program dan pelan tindakan yang dicadangkan oleh rancangan tersebut.

Had pembangunan bandar perlu ditentukan supaya pembangunan gunatanah dapat dilaksanakan secara lebih efisien. Pembangunan bandar-bandar perlu dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip 'smart growth' dengan memberi penekanan kepada daya tampungan sesebuah bandar dan seterusnya memberi keutamaan kepada pembangunan semula

kawasan-kawasan yang sesuai bermula dengan pusat bandar dan kawasan 'brownfield', pengelakan kawasan-kawasan hijau untuk tujuan rekreasi dan pemuliharaan kawasan sensitif alam sekitar. Ini adalah untuk mengelakkan pembangunan yang menjangkau ke kawasan-kawasan pertanian dan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar, menggalakkan penggunaan infrastruktur sedia ada dengan lebih optima dan mengembalikan keceriaan dan daya tarikan kawasan-kawasan pusat bandar.

Kawasan kampung di dalam bandar juga akan dibangunkan supaya tidak tertinggal dan terpinggir dari arus pembangunan di samping mengekalkan ciri-ciri keunikan kampung-kampung tersebut. Kawasan-kawasan kampung ini juga akan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam.

Program pembangunan semula kawasan-kawasan strategik yang sesuai merupakan salah satu cara meningkatkan tahap 'efficiency' kawasan perbandaran. Di samping itu, ia berupaya memenuhi keperluan setempat dari segi meningkatkan kualiti kehidupan dan alam sekitar serta menjanakan aktiviti-aktiviti ekonomi dan peluang-peluang pekerjaan. Untuk tujuan ini dasar-dasar yang dicadangkan adalah:



### DPN 1

DPN menjadi rangka kerja asas pembangunan bandar-bandar di Malaysia.

#### Langkah

- i. Memastikan semua rancangan pembangunan dan pemajuan (RFN, RW, RSN, RT dan RKK) mematuhi dasar-dasar yang telah digariskan di dalam DPN.
- ii. Melaksanakan pemantauan terhadap semua rancangan pembangunan dan pemajuan.

### DPN 2


Pembangunan bandar-bandar perlu berdasarkan kepada sistem hierarki bandar DPN.

Rujuk Rajah 1.0 : Hierarki Bandar Semenanjung Malaysia 2006-2020, Lampiran 1 dan Lampiran 1a.

#### Langkah


- i. Memastikan perancangan pembangunan bandar perlu berdasarkan hierarki bandar dan komponen bandar.
- ii. Menggunakan definisi bandar DPN bagi menentukan kawasan bandar.
- iii. Mewujudkan sistem maklumat bandar melalui kajian Profil Bandar.





**Rajah 1.0 : HIERARKI BANDAR SEMENANJUNG MALAYSIA, 2006-2020**

**PETUNJUK :**



Konurbasi Pertumbuhan Negara

Konurbasi Pertumbuhan Wilayah

Konurbasi Pertumbuhan Separa Wilayah

Konurbasi Pertumbuhan Negeri

Konurbasi Pertumbuhan Daerah

● Pusat Petempatan Utama

● Pusat Petempatan Kecil

● Bandar-Bandar

**DPN 3**

**Setiap pembangunan bandar perlu berdasarkan kepada Rancangan Pembangunan dan Pemajuan yang disediakan.**

**Langkah**

- i. Mewartakan semua Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.
- ii. Mengenalpasti dan menyegerakan penyediaan Rancangan Wilayah bagi konurbasi-konurbasi pertumbuhan negara dan wilayah.
- iii. Menjadikan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas sebagai panduan utama dalam proses kelulusan perancangan.
- iv. Menyelaras dan memantau pelaksanaan rancangan pembangunan dan pemajuan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.
- v. Menyelaras dan memantau perancangan pembangunan kawasan konurbasi melalui Jawatankuasa Perancang Wilayah.
- vi. Menguatkuasakan pematuhan terhadap semua rancangan pembangunan dan pemajuan.
- vii. Menubuhkan pangkalan data gunatanah yang komprehensif di peringkat negeri dan tempatan.





#### DPN 4

**Had pembangunan bandar (urban growth limit) ditentukan berasaskan daya tampungan bagi setiap bandar di seluruh negara.**

##### Langkah

- i. Menetapkan had pembangunan bandar (urban growth limit) yang berasaskan daya tampungan bagi setiap bandar dalam Rancangan Tempatan.
- ii. Menetapkan kriteria Had Pembangunan Bandar.
- iii. Mengkaji semula had pembangunan bandar yang telah ditetapkan mengikut jangka masa yang bersesuaian.

#### DPN 5

**Perancangan gunatanah yang optima dan seimbang perlu diberi penekanan dalam pembangunan bandar.**

##### Langkah

- i. Memastikan pembangunan ditumpukan di dalam kawasan had pembangunan bandar bagi mewujudkan pembangunan bandar yang padat (compact city).
- ii. Memastikan setiap pembangunan baru yang dijalankan bersesuaian (compatible) dengan guna tanah sekitarnya.
- iii. Mensyaratkan Penilaian Impak Sosial dilaksanakan didalam perancangan dan kelulusan semua aktiviti pembangunan awam dan swasta.
- iv. Memastikan zon tempat kerja disediakan berhampiran dengan tempat kediaman dan dilengkapi dengan kemudahan rekreasi.
- v. Menggalakkan pembangunan perumahan di dalam pusat bandar atau berdekatan pusat aktiviti yang mempunyai akses kepada kemudahan dan pengangkutan yang baik.
- vi. Memastikan kemudahan bengkel dan kilang-kilang kecil yang menimbulkan pencemaran alam sekitar serta menjana lalulintas yang tinggi dizonkan di kawasan yang bersesuaian.



**DPN 6**

**Pembangunan bandar perlu memberi keutamaan kepada pembangunan semula di dalam kawasan bandar.**

**Langkah**

- i. Melaksanakan pembangunan 'infill' di kawasan yang berpotensi.
- ii. Mengenalpasti dan menyediakan inventori kawasan-kawasan 'brownfield'.
- iii. Merancang dan menyediakan program pembangunan semula kawasan 'brownfield'.
- iv. Menjana semula kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan (urban regeneration).
- v. Membaik pulih kawasan tanah tercemar sebelum dibangunkan.
- vi. Mewujudkan satu agensi yang bertanggungjawab merancang dan menguruskan pembangunan semula bandar.
- vii. Menggalakkan penglibatan pihak swasta melalui penyediaan insentif dan program usahasama dengan pihak kerajaan.





### **DPN 7**

**Pembangunan kampung di dalam bandar perlu diintegrasikan dengan pembangunan bandar.**

#### **Langkah**

- i. Membangunkan semula kawasan-kawasan kampung yang sesak, tidak terancang dan terpinggir dari arus pembangunan.
- ii. Memelihara ciri-ciri keunikan kampung disamping melengkapkan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan utiliti serta kemudahan awam di dalam kawasan kampung.
- iii. Menggalakkan pendekatan Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB) sebagai kaedah alternatif dalam membangunkan kampung di dalam bandar.
- iv. Menyediakan premis-premis dan bangunan perniagaan mampu milik untuk meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk tempatan di dalam kawasan kampung.
- v. Melaksanakan pembangunan kampung baru berdasarkan kepada Pelan Induk Kampung Baru.



**DPN 8**  
**Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Kawasan Pertanian Utama perlu dipulihara.**

**Langkah**

- i. Melindungi dan memelihara kawasan-kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan pertanian utama.
- ii. Menjadikan kawasan hijau sebagai zon penampungan untuk menghadkan pembangunan bandar.



**DPN 9**  
**Kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi perlu disediakan mengikut keperluan penduduk.**

**Langkah**

- i. Memastikan kawasan rekreasi disediakan mengikut hierarki dan garis panduan serta piawaian.
- ii. Menyediakan kawasan-kawasan tanah lapang awam yang mencukupi melalui pemakaian sasaran petunjuk 2 hektar : 1000 penduduk bandar.
- iii. Memastikan kawasan lapang dan rekreasi dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sukan mengikut keperluan dan permintaan penduduk setempat.
- iv. Mewarta kawasan rekreasi dan memantau pelaksanaan pembangunannya.
- v. Menggalakkan pembangunan rangkaian hijau yang berkesinambungan dan bersepadu di bandar.
- vi. Memastikan pembangunan menghadap sungai dan badan air.
- vii. Menggunakan Dasar Lanskap Negara dalam penyediaan landskap.
- viii. Mengkaji semula garis panduan dan piawaian berkenaan penyediaan kawasan lapang dan rekreasi.





## Teras 2: PEMBANGUNAN EKONOMI BANDAR YANG KUKUH, DINAMIK DAN BERDAYA SAING

Terdapat keperluan untuk mengenalpasti kekuatan ekonomi dan kelebihan setiap bandar bagi membangun, mempromosi dan memperkukuhkan pertumbuhan dan pembangunannya pada masa depan. Korelasi yang kuat antara pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan perbandaran menjelaskan peranan yang dimainkan oleh asas ekonomi tempatan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

44

Konurbasi utama akan menghadapi cabaran-cabaran daripada globalisasi dan kemajuan teknologi antaranya kemunculan ekonomi berasaskan pengetahuan. Pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan memerlukan tahap kompetensi yang tinggi di kalangan pentadbir, pengendali perkhidmatan dan pengguna. Pertambahan kemahiran di kalangan penduduk bandar akan menyebabkan pertumbuhan seterusnya dalam ekonomi, memperkembangkan ilmu dan menyebabkan peningkatan yang lebih tinggi dalam gunatenaga mahir.

Oleh itu, adalah penting pusat-pusat bandar tanpa mengira saiz mewujudkan persekitaran ekonomi yang dinamik untuk menyokong perniagaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang bernilai tambah serta industri-industri berasaskan pengetahuan.

Di samping menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan pusat-pusat bandar utama, pembangunan ekonomi bandar sederhana dan kecil juga perlu disokong kerana ia menyediakan barangan pengguna bagi penduduk bandar. Bandar-bandar kecil turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar kerana ia berfungsi sebagai pusat perdagangan dan perniagaan khususnya dalam memasarkan produk pertanian. Pertumbuhan bandar-bandar kecil mewujudkan permintaan terhadap produk-produk pertanian dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan di luar bidang pertanian; kedua-duanya menyebabkan asas ekonomi penduduk luar bandar sentiasa bertambah baik.



Terdapat sebilangan bandar yang memiliki ciri-ciri unik yang menyumbang dengan signifikan terhadap pertumbuhan dan pembangunan asas ekonomi kawasan tersebut. Bandar-bandar seperti Melaka dan Georgetown diiktiraf sebagai bandar pelancongan yang terkemuka di Malaysia. Selain itu, Kuah di Langkawi dan Lumut adalah bandar kecil yang membangun pesat hasil daripada perhubungan bandar-bandar ini dengan industri pelancongan yang aktif. Keunikan bandar-bandar seperti ini perlu ditadbir dan dikekalkan supaya dapat terus menyumbang kepada sektor ekonomi. Pengukuhan fungsi-fungsi unik bandar-bandar ini juga perlu digalakkan selain dari usaha untuk mempelbagaikan asas ekonominya.

Dalam usaha untuk membasmi kemiskinan bandar, program-program pembasmian kemiskinan bandar akan dilaksanakan. Antara komponen program termasuk penyediaan perumahan, penjaan pendapatan dan kemudahan, pendidikan serta latihan. Pelaksanaan program-program yang dapat meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera dalam sektor ekonomi bandar juga perlu diberi perhatian terutama dalam sektor yang mempunyai penglibatan Bumiputera yang tinggi iaitu sektor tidak formal. Sektor ini perlu dibangunkan selari dengan sektor formal dalam ekonomi bandar. Antara cadangan adalah untuk menyediakan ruang tapak perniagaan secara terancang untuk sektor tidak formal seperti ruang pasar malam dan pasar tani. Pada masa yang sama, kaum Bumiputera di bandar juga perlu digalakkan untuk meraih peluang-peluang perniagaan yang berbeza melalui pewujudan jaringan usahasama antara sektor awam dan swasta.

Bagi memacu dan mendorong pembangunan sektor ekonomi bandar yang lebih dinamik pada masa depan, maka dasar-dasar dan langkah-langkah yang dicadangkan adalah :





### **DPN 10**

**Pembangunan aktiviti ekonomi bandar yang bernilai tambah dan berintensifkan pengetahuan (k-ekonomi) di semua konurbasi digalakkan.**

#### **Langkah**

- i. Menerimapakai konsep kluster di dalam konurbasi untuk menggalakkan pertumbuhan aktiviti-aktiviti bernilai tambah yang tinggi dan berintensifkan pengetahuan.
- ii. Mengenalpasti kawasan-kawasan khusus di mana jenis-jenis kluster sedia ada wujud dan memfokuskan pelaburan ke kawasan tersebut.
- iii. Mengenalpasti dan membangunkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk menempatkan institusi latihan dan pendidikan tertiar bagi menyediakan tenaga mahir.
- iv. Menggalakkan pembentukan 'cybercity' dan 'cybercentre' untuk menjadi pemangkin pertumbuhan k-ekonomi.
- v. Mempromosi pembangunan taman perniagaan (business park) secara integrasi.
- vi. Memastikan penyediaan infrastruktur IT yang efisien untuk menggalakkan pembangunan e-perniagaan dan e-perdagangan.
- vii. Membangunkan kemudahan rekreasi dan kebudayaan yang sesuai untuk persekitaran kehidupan bandar yang kondusif kepada pelabur dan penduduk tempatan.
- viii. Meningkatkan promosi konurbasi sebagai pusat pelaburan.



### DPN 11

**Pembangunan ekonomi Pusat Petempatan Utama dan Kecil perlu digiatkan untuk menyokong peranannya dalam pembangunan wilayah.**

#### Langkah

- i. Menggunapakai konsep kluster bagi memperkukuhkan ekonomi bandar dan hubungannya dengan kawasan pedalaman.
- ii. Membangunkan infrastruktur IT yang efisien untuk menyokong k-ekonomi.
- iii. Mewujud dan mengukuhkan taman-taman perniagaan dan perindustrian khas untuk menggalakkan kluster-kluster ekonomi.
- iv. Menyediakan insentif bagi pembangunan semula kawasan 'brownfield' sebagai zon perniagaan dan perindustrian khas.
- v. Menggalakkan penyediaan lot-lot perniagaan kecil di kawasan kediaman.
- vi. Menggalakkan konsep pejabat kecil di unit kediaman (SOHO).
- vii. Menyediakan garispanduan perancangan pejabat kecil di unit kediaman.
- viii. Mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai bagi penubuhan institusi-institusi latihan kemahiran dan pendidikan.
- ix. Menyediakan kemudahan rekreasi untuk menyokong persekitaran perniagaan.



### DPN 12

**Bandar-bandar yang mempunyai fungsi dan ciri-ciri khas (special feature towns) dibangunkan mengikut potensi dan keistimewaan masing-masing.**

#### Langkah

- i. Mengenalpasti bandar-bandar yang mempunyai fungsi dan ciri-ciri khas seperti:
  - Bandar Sempadan ;
  - Bandar Pelancongan;
  - Bandar Berciri Khas (Special Role Centre) ;
  - Bandar Perindustrian Khas; dan
  - Bandar Nod Pengangkutan dan Perhubungan akan Datang.
- ii. Membangunkan ekonomi bandar ciri khas mengikut keistimewaan masing-masing dengan menyediakan kemudahan sokongan.
- iii. Merancang dan memulihara zon gunatanah untuk mengekalkan keistimewaan masing-masing

Beberapa bandar fungsi khas yang dikenalpasti antaranya adalah seperti di Jadual 1.0.





**JADUAL 1.0** Senarai Bandar Fungsi Khas DPN

Fungsi Khas	Bandar	Negeri
<b>1. Bandar Sempadan</b>	Bukit Kayu Hitam	Kedah
	Kota Putra	
	Padang Besar	Perlis
	Pengkalan Hulu	Perak
	Rantau Panjang	Kelantan
	Pengkalan Kubor	
	Bukit Bunga	
<b>2. Bandar Pelancongan :</b>		
a. Bandar Pesisiran Pantai	Mersing	Johor
	Kuah	Kedah
	Port Dickson	Negeri Sembilan
	Kuala Rompin	Pahang
	Chukai	Terengganu
	Pangkor	Perak
	Lumut	
	Batu Feringgi	Pulau Pinang
	Tg. Tokong	
b. Bandar Tanah Tinggi	Tanah Rata	Pahang
	Fraser's Hill	
c. 'Nature Based' / 'Ecotourism'	Pontian Kechil	Johor
	Segamat	Pahang
	Jerantut	
	Bera	
	Jerteh	Terengganu
	Kuala Berang	
	Marang	
	Dabong	Kelantan
	Gua Musang	
	Alor Gajah	Melaka
	Ayer Keroh	
Jasin		

Fungsi Khas	Bandar	Negeri
d. Bandar Bersejarah/ Warisan	Bandar Teluk Intan	Perak
	Gerik	
	Lenggong	
	Taiping	
	Klang	Selangor
	Bandar Melaka	Melaka
	Kuala Lipis	Pahang
e. Bandar Diraja	Pekan	Pahang
	Kuala Kangsar	Perak
	Arau	Perlis
	Bandar Sri Menanti	N.Sembilan
	Klang	Selangor
3. 'Special Role Centre'	Putrajaya	Wilayah Persekutuan
	Cyberjaya	Selangor
4. Pusat Perindustrian Khas	Tanjung Malim – Proton City – Behrang	Perak
	Butterworth	Pulau Pinang
	Gurun	Kedah
	Kulim	
	Senai	Johor
	Kertih	Terengganu
5. Nod Pengangkutan & Perhubungan Akan Datang	Lumut – Sitiawan – Manjung	Perak
	Gerik	
	Temerloh – Mentakab	Pahang
	Gua Musang	Kelantan





**DPN 13**

**Peluang pekerjaan terutama kepada kumpulan yang berpendapatan rendah dipertingkat dan dipelbagaikan tanpa mengira kaum.**

**Langkah**

- i. Mengenalpasti profil golongan miskin bandar berasaskan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).
- ii. Melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).
- iii. Menyediakan ruang perniagaan khusus untuk peniaga kecil melalui pembinaan medan selera, gerai, tapak pasar tani kekal, tapak pasar malam, ruang niaga, pasar dan bengkel di lokasi yang bersesuaian.
- iv. Menggalakkan penyediaan peluang pekerjaan dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS) berhampiran dengan kawasan kediaman.
- v. Membantu IKS sedia ada yang telah memainkan peranan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan tempat yang sesuai untuk mengembangkan aktiviti perniagaan ekonomi.
- vi. Menyediakan peluang pekerjaan di kawasan perumahan kos rendah dan perkampungan tradisi di dalam bandar.
- vii. Menggalakkan konsep bekerja dari rumah untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan berpendapatan rendah, orang kurang upaya dan wanita.
- viii. Menggalakkan pembangunan in-situ untuk mengekalkan peluang pekerjaan.
- ix. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap bagi sektor tidak formal.
- x. Menyediakan program-program latihan kemahiran untuk penduduk berpendapatan rendah.
- xi. Mengenalpasti dan menyokong perniagaan kecil yang menyediakan perkhidmatan kepada penduduk di konurbasi, pusat petempatan utama dan pusat petempatan kecil.

**DPN 14**

**Pembangunan kawasan perbandaran akan mengambilkira identiti Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum. Penglibatan golongan Bumiputera dan mereka yang berpendapatan rendah dalam sektor ekonomi bandar akan dipertingkatkan. Pada masa yang sama, kepentingan dan peluang serta potensi masa depan kaum lain yang sedia ada tidak terjejas atau disekat.**

**Langkah**

- i. Menyediakan kuota dalam mendapatkan lesen, permit dan pengagihan premis atau gerai perniagaan, tapak pusat penjaja, tapak industri kecil dan rumah kedai di lokasi yang strategik.
- ii. Menetapkan minimum 30 peratus dari jumlah unit dan ruang lantai perniagaan mampu milik dilokasi yang strategik.
- iii. Unit-unit kuota Bumiputera yang tidak terjual akan dibeli oleh agensi kerajaan seperti PKEN, MARA, LKB, PBT dan Lembaga Perumahan Negeri untuk disewakan.
- iv. Menggalakkan pembinaan premis perniagaan, bazar dan ruang pejabat di lokasi yang strategik oleh agensi-agensi kerajaan.
- v. Menyediakan ruang tapak perniagaan secara terancang untuk sektor tidak formal seperti ruang pasar malam, pasar tani dan bazar Ramadhan.
- vi. Menggalakkan pembangunan program-program latihan dan pembangunan kemahiran dalam bidang pengurusan, pengoperasian perniagaan dan keusahawanan.
- vii. Mewujudkan jaringan usahasama antara sektor awam dan swasta bagi golongan Bumiputera.
- viii. Menggalakkan usahasama antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera bagi peluang baru yang sesuai.



### Teras 3: SISTEM PENGANGKUTAN BANDAR YANG BERSEPADU DAN EFISIEN

Sistem pengangkutan yang komprehensif dan efisien adalah penting untuk meningkatkan daya saing sesuatu bandar. Peningkatan jumlah penduduk dan pemilikan kenderaan persendirian yang tinggi serta ketidakcekapan pengangkutan awam memerlukan satu strategi yang dapat menyelesaikan isu-isu yang timbul hasil dari keadaan ini. Justeru itu, pembangunan sistem pengangkutan bersepadu perlu dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada ciri-ciri multimodal dan mesra alam untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di bandar-bandar besar seperti Konurbasi Kuala Lumpur, Konurbasi Georgetown dan Konurbasi Johor Bahru.

Dasar yang memberi galakan kepada penggunaan sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efektif, boleh diharap (reliable), mesra pengguna dan mampu dinikmati oleh semua golongan penduduk hendaklah diwujudkan. Perancangan pengangkutan yang diintegrasikan dengan perancangan gunatanah akan dijadikan teras utama untuk menjamin kejayaan dasar penggunaan sistem pengangkutan awam. Selain itu, pengurusan lalu lintas perlu dilaksanakan dengan lebih komprehensif bagi memastikan masalah kesesakan di bandar-bandar dapat dikurangkan. Dasar-dasar untuk mencapai hasrat ini adalah:

### DPN 15

**Sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan mesra pengguna dibangunkan.**

#### Langkah

- i. Menyediakan pelan induk pengangkutan awam di semua peringkat perbandaran.
- ii. Menyediakan garis panduan berdasarkan kepada sasaran mod pengangkutan awam yang telah disediakan.
- iii. Membina terminal pengangkutan multi-modal mengikut hierarki bandar.
- iv. Mengintegrasikan sistem pengangkutan awam di dalam perancangan guna tanah dengan menggunakan konsep 'Transit Oriented Development' (TOD).
- v. Membangunkan sistem pengangkutan awam berkapasiti tinggi di Konurbasi Pertumbuhan Negara, Wilayah, Separa Wilayah dan Pertumbuhan Negeri.
- vi. Menyediakan terminal 'Park and Ride' di Konurbasi Pertumbuhan Negara, Wilayah dan Separa Wilayah.
- vii. Meningkatkan kawasan liputan laluan pengangkutan awam dan memastikan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap, efisien dan menepati waktu.
- viii. Memperkenalkan sistem tiket bersepadu yang merangkumi semua mod pengangkutan awam.
- ix. Memberi keistimewaan kepada OKU dan warga emas melalui penyediaan kemudahan fizikal, diskaun tiket dan kemudahan sokongan lain.
- x. Mewujudkan satu agensi khusus bagi mentadbir, merancang dan melaksanakan sistem pengangkutan awam.
- xi. Menyelaraskan operator-operator yang terlibat dalam penyediaan pengangkutan awam.
- xii. Memastikan operator-operator yang terlibat dalam penyediaan pengangkutan awam mematuhi pelan laluan yang telah ditetapkan.
- xiii. Menyemak semula perundangan yang berkaitan dengan pengurusan sistem pengangkutan awam.
- xiv. Memastikan aspek perancangan pengangkutan awam diberi penekanan dalam Rancangan Tempatan.
- xv. Menggalakkan program berkongsi kereta untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.
- xvi. Menggalakkan penggunaan kenderaan mesra alam bagi mengurangkan tahap pencemaran udara.



### DPN 16

**Sistem pengurusan lalulintas yang lebih menyeluruh dilaksanakan untuk memastikan pergerakan lalulintas yang lebih cekap dan berkesan.**

#### Langkah

- i. Menggunakan sistem pengangkutan pintar dan 'navigation system' dalam pengurusan lalulintas di bandar.
- ii. Memperkenalkan sistem pengurusan lalulintas yang lebih efisien untuk mengawal kesan aktiviti di dalam pusat bandar yang menjana lalulintas keterlaluan.
- iii. Melaksanakan skim untuk menghadkan bilangan kenderaan persendirian yang memasuki pusat bandar.
- iv. Menghadkan kemudahan tempat letak kenderaan di pusat bandar.
- v. Mengawal pergerakan kenderaan dengan melaksanakan program 'traffic calming'.
- vi. Menggunakan 'Computerised Area Traffic Control' di dalam kawasan perbandaran.



### DPN 17

**Rangkaian jalan raya yang lebih menyeluruh dibangunkan bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti di dalam dan di antara bandar.**

#### Langkah

- i. Membangunkan jalan raya mengikut hierarki.
- ii. Meningkatkan aksesibiliti bagi melancarkan pergerakan kenderaan melalui penyediaan jalan litar, jalan pintas dan laluan sehalu.
- iii. Menyediakan laluan/lorong khas untuk motosikal dan pejalan kaki didalam kawasan bandar.
- iv. Melaksanakan kajian Penilaian Impak Sosial (SIA) terhadap perancangan jalan baru dan naiktaraf jalan.
- v. Melaksanakan kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) terhadap perancangan jalan baru dan naik taraf jalan khususnya di dalam kawasan sensitif alam sekitar (KSAS).
- vi. Melaksanakan kajian Penilaian Impak Pengangkutan (TIA) untuk semua pembangunan di dalam kawasan perbandaran.
- vii. Melaksanakan audit keselamatan jalan raya (Road Safety Audit) di dalam perancangan pembangunan jalan raya.





#### **Teras 4: PENYEDIAAN PERKHIDMATAN BANDAR, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI YANG BERKUALITI**

Penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti perlu dilihat dari segi peranannya untuk memenuhi permintaan penduduk dan kepentingannya menjadi penyokong kepada pertumbuhan ekonomi bandar dan perbandaran yang lebih kompetitif. Kemudahan infrastruktur dan utiliti perlu disediakan dengan mencukupi dari segi kuantiti, mempunyai pengagihan yang meluas serta kualiti yang tinggi dan menggunakan teknologi yang terkini.

Penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti perlu diselaraskan dengan tahap kepentingan hierarki dan fungsi sesuatu bandar. Bagi kawasan-kawasan konurbasi, penyediaan kemudahan-kemudahan utiliti seperti bekalan elektrik dan telekomunikasi perlu menepati tahap piawaian yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan aktiviti ekonomi yang bernilai tambah dan berintensifkan pengetahuan (K-ekonomi). Selain itu, kemudahan-kemudahan ini perlu mempunyai tahap pengurusan dan penyelenggaraan yang efisien dan mempunyai 'back-up services' yang baik untuk mengurangkan gangguan kepada perkhidmatan yang diberikan.

Kemudahan infrastruktur lain seperti tapak pelupusan sisa pepejal dan sistem pembetulan perlu disediakan secara berkongsi bersama antara beberapa kawasan bandar bagi memastikan penyediaannya lebih 'cost effective' dan mengelakkan pembaziran sumber.

Bagi memenuhi keperluan terhadap perkhidmatan bandar yang baik, strategi utamanya adalah untuk memperluaskan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan bandar dengan memastikan aspek kemampunan dan kos penyelenggaraan yang efisien. Perkhidmatan-perkhidmatan bandar yang utama seperti perkhidmatan pungutan sampah, penyelenggaraan pembetulan, penyelenggaraan sistem perparitan, pembersihan kawasan dan pengurusan tempat-tempat awam perlulah disediakan secara lebih meluas dengan kualiti perkhidmatan yang tinggi. Ini akan meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat di samping meningkatkan daya tarikan kawasan bandar. Untuk mengendalikan pengurusan air sisa domestik yang lebih cekap dan 'cost effective', kemudahan sistem pembetulan yang sedia ada perlu dibaikpulih. Di samping itu kemudahan baru juga perlu dibina.

Penglibatan masyarakat tempatan perlulah digalakkan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam mentadbir dan mengurus kawasan bandar. Untuk tujuan itu dasar-dasar yang dicadangkan adalah:





### DPN 18

**Penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti dipertingkatkan serta memastikan pengurusan dan penyelenggaraan yang berterusan.**

#### Langkah

- i. Melengkapkan penyediaan sistem pembetulan dan rawatan berpusat serta sistem saliran bagi kawasan-kawasan bandar.
- ii. Meningkatkan penyediaan kemudahan bekalan air, elektrik dan telekomunikasi berteknologi tinggi yang berkualiti selaras dengan keperluan pembangunan.
- iii. Memastikan perancangan tapak bagi kemudahan infrastruktur dan utiliti ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan mengikut keperluan pembangunan.
- iv. Menyediakan Pelan Induk Kumbahan yang meliputi program pengambilan balik tanah.
- v. Menggunakan teknik-teknik amalan dalam Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) untuk mengurangkan ancaman banjir.
- vi. Mempertingkatkan kecekapan pengurusan air dengan penekanan kepada permintaan, penggunaan sumber alternatif dan bukan konvensional (penuaian air hujan, kitar semula air) serta mengurangkan pembaziran (air tidak terakaun).
- vii. Menyelaras perancangan dan penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti oleh pelbagai agensi.
- viii. Melaksanakan strategi MyICMS 886 secara menyeluruh termasuk menyediakan infrastruktur Internet Jalur Lebar di semua kawasan di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan Pelan Jalur Lebar Negara (PJLN).
- ix. Menggalakkan perkongsian pintar di antara agensi-agensi yang menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti (service provider).
- x. Menggalakkan perkongsian kemudahan infrastruktur dan utiliti di antara bandar terutama di dalam konurbasi.
- xi. Mementingkan nilai-nilai estetik di dalam penyediaan infrastruktur dan utiliti sesuai dengan persekitaran.
- xii. Menggunapakai indikator MURNInet di dalam penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- xiii. Menggunapakai polisi-polisi sedia ada yang berkaitan.





### DPN 19

**Sistem pengurusan sisa pepejal dan toksik yang terancang, berkesan dan mampan perlu dilaksanakan.**

#### Langkah

- i. Menggunapakai Dasar Pengurusan Sisa Pepejal dalam pelaksanaan dan pengurusan sisa pepejal.
- ii. Mengurangkan penjanaaan sisa pepejal.
- iii. Menggunakan bahan-bahan 'bio-degradable'.
- iv. Melaksanakan program kitar semula.
- v. Melaksanakan perkhidmatan pemungutan, pelupusan dan perawatan sisa pepejal dan sisa toksik yang sistematik dan selamat.
- vi. Menyediakan infrastruktur pelupusan dan perawatan sisa pepejal dan sisa toksik yang sistematik dan selamat.



### DPN 20

**Kualiti perkhidmatan bandar dipertingkatkan untuk mewujudkan persekitaran kehidupan yang selesa dan sejahtera.**

#### Langkah

- i. Pengurusan dan penyelenggaraan perkhidmatan bandar dilaksanakan dengan kaedah yang efisien, kos efektif dan mampu bayar.
- ii. Menyediakan indeks kualiti hidup bandar bagi menilai tahap kesejahteraan penduduk.
- iii. Menggalakkan penglibatan masyarakat, badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta dalam pengurusan dan penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti.
- iv. Mengadakan program kesedaran awam dan pendidikan kepada semua golongan masyarakat untuk mempertingkatkan dan menggalakkan budaya penyelenggaraan serta penjagaan harta awam.



### **Teras 5: PEWUJUDAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN BANDAR YANG SEJAHTERA DAN BERIDENTITI**

Masyarakat kini amat mengutamakan persekitaran kehidupan yang selesa, mesra penduduk, mempunyai ruang untuk masyarakatnya berinteraksi dan juga dapat mewujudkan perasaan 'sense of belonging' di kalangan penduduknya. Teras ini akan memberi penekanan kepada pewujudan kehidupan bandar yang sejahtera untuk dinikmati oleh semua penduduk bandar secara saksama ke arah mencapai matlamat meningkatkan perpaduan sosial. Peningkatan jumlah penduduk bandar memerlukan persekitaran bandar dirancang dan diuruskan dengan baik supaya lebih menarik sebagai tempat untuk didiami, bekerja dan berekreasi.

Untuk mewujudkan persekitaran bandar yang sejahtera, adalah penting kemudahan asas penduduk disediakan dengan mencukupi terutamanya kemudahan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan kepada pekerja-pekerja asing. Program perumahan kos rendah perlu diadakan di kawasan bandar bertujuan untuk menyediakan bilangan perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah dan untuk menempatkan semula setinggan. Kemudahan perumahan perlu disediakan berdekatan dengan tempat-tempat kerja dan mempunyai aksesibiliti yang baik kepada kemudahan pengangkutan awam dan kemudahan-kemudahan awam. Bagi perumahan untuk pekerja asing, kemudahan perumahan yang lebih terancang di lokasi-lokasi yang tertentu perlu dilaksanakan untuk memberi keselesaan kepada penghuninya dan mengurangkan masalah-masalah kepada persekitaran bandar.

Penyediaan kemudahan awam yang utama seperti sekolah, kawasan riadah, kompleks sukan, tempat ibadat, kemudahan kesihatan dan tanah-tanah perkuburan perlulah disediakan dengan cukup di lokasi-lokasi yang sesuai supaya dapat digunakan oleh semua golongan penduduk bandar. Bagaimanapun, nilai tanah bandar yang tinggi mengurangkan peluang penyediaan kemudahan awam yang mencukupi di sesetengah kawasan. Oleh itu dicadangkan supaya beberapa kemudahan tertentu disediakan dan dikongsi bersama antara beberapa bandar atau pihak berkuasa tempatan contohnya seperti penyediaan tapak perkuburan.

Tahap penyediaan kemudahan-kemudahan awam perlu berdasarkan kepada hierarki sesuatu bandar supaya kemudahan yang bersesuaian dapat disediakan. Bagi kawasan-kawasan konurbasi utama, penyediaan kemudahan perlulah mengambilkira keperluan komuniti perniagaan yang memerlukan kemudahan yang pelbagai dan lebih bertaraf tinggi.

Aspek penyelenggaraan kemudahan-kemudahan awam perlu diberi penekanan supaya ia dapat digunakan dengan lebih efektif. Dalam konteks ini, penglibatan masyarakat perlu digalakkan untuk mengurangkan kos yang terpaksa ditanggung kerajaan untuk menyedia dan menyelenggara kemudahan-kemudahan awam. Budaya penyelenggaraan (maintenance culture) perlu diperkenalkan melalui program-program kesedaran di kalangan penduduk.



### DPN 21

**Kemudahan perumahan yang mencukupi disediakan berasaskan keperluan penduduk.**

#### Langkah

- i. Menggunapakai Dasar Perumahan Negara sebagai asas di dalam penyediaan perumahan.
- ii. Mempelbagaikan jenis rumah, kategori mampu milik dan mampu bayar serta rekabentuk berkualiti di lokasi bersesuaian.
- iii. Menyasarkan matlamat 1 unit rumah bagi 1 isirumah.
- iv. Menyasarkan matlamat Setinggalan Sifar.
- v. Mengenalpasti kawasan perumahan kos rendah di dalam rancangan pemajuan.
- vi. Memastikan lokasi perumahan kos rendah berdekatan dengan tempat kerja, mempunyai aksesibiliti yang baik dan dilengkapi dengan infrastruktur serta kemudahan awam.
- vii. Mengambilkira keperluan pelbagai golongan masyarakat termasuk OKU dan warga emas dalam merancang kawasan perumahan.
- viii. Memastikan penyediaan rumah transit bagi pekerja asing di lokasi-lokasi yang bersesuaian.

### DPN 22

**Kemudahan awam yang mencukupi, lengkap serta mesra pengguna disediakan dengan pengurusan dan penyelenggaraan yang berterusan.**

#### Langkah

- i. Menyediakan kemudahan awam seperti kemudahan pendidikan, kesihatan, tempat ibadat untuk pelbagai agama, tanah perkuburan dan kemudahan-kemudahan lain berdasarkan keperluan penduduk serta mengikut garis panduan dan piawaian perancangan.
- ii. Menyediakan kemudahan awam di lokasi yang mudah sampai dan mesra pengguna.
- iii. Menyediakan kemudahan awam yang berkualiti.
- iv. Mengkaji semula garis panduan perancangan yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan-kemudahan awam untuk disesuaikan dengan keperluan semasa.
- v. Meningkatkan akses kepada kemudahan awam melalui kesinambungan rangkaian siar kaki yang selesa dan laluan sikal yang selamat, selesa dan mesra pengguna.
- vi. Membudayakan amalan pengurusan dan penyelenggaraan yang berterusan.



**DPN 23**

**Persekitaran bandar yang selamat perlu diwujudkan.**

**Langkah**

- i. Menggunakan prinsip-prinsip perancangan bandar selamat.
- ii. Melaksanakan program Bandar Selamat secara menyeluruh.
- iii. Meningkatkan kesedaran dan penglibatan awam di dalam keselamatan bandar.
- iv. Memastikan perancangan dan pembangunan bandar mengambil kira aspek mitigasi dari kesan geobencana ataupun dari risiko industri mengikut prinsip 'Hyogo Framework of Actions'.

**DPN 24**

**Pembentukan imej dan identiti yang bersesuaian dengan fungsi bandar dan budaya nasional yang melambangkan masyarakat pelbagai kaum.**

**Langkah**

- i. Menggunakan garis panduan imej bandar.
- ii. Menggunakan tema yang bersesuaian berasaskan karakter dan keunikan bandar.
- iii. Menjalankan kajian terperinci bagi aspek rekabentuk bandar khusus mengenai imej dan identiti bandar yang melambangkan identiti Malaysia yang berbilang kaum.
- iv. Menggunakan Dasar Lanskap Negara dan Pelan Induk Lanskap.



## DPN 25

**Kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan yang bernilai sejarah, mempunyai warisan budaya dan senibina unik dipulihara dan diwartakan.**

### Langkah

- i. Menyediakan inventori warisan bandar, diisytihar dan diwartakan.
- ii. Meningkatkan bina upaya agensi pelaksana dalam mengendalikan kawasan dan bangunan warisan.
- iii. Menyediakan pelan pengurusan kawasan warisan.
- iv. Menyediakan bajet untuk memelihara dan memulihara warisan bandar.
- v. Menguatkuasakan Akta Warisan Kebangsaan dan akta-akta lain yang berkaitan.
- vi. Mengawal dan menyelaraskan pembangunan di dalam dan di sekitar kawasan atau bangunan warisan.
- vii. Meningkatkan kesedaran orang awam menghargai warisan kebudayaan dan kesenian.
- viii. Menyediakan ruang dan kemudahan untuk menjalankan aktiviti kebudayaan tempatan.
- ix. Meningkatkan kerjasama antara pelbagai pihak dengan komuniti tempatan dalam melaksanakan projek-projek pemuliharaan warisan dan pembangunan semula bandar.





### **DPN 26**

**Pembangunan mampan dan mesra alam dijadikan asas kepada pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup bandar.**

#### **Langkah**

- i. Memastikan pembangunan bandar memberi penekanan kepada pengurangan pencemaran udara, bunyi dan air serta mesra kepada sungai.
- ii. Menguatkuasa perundangan, garis panduan dan piawaian yang berkaitan pemuliharaan alam sekitar.
- iii. Menggalakkan pembangunan yang mengurangkan impak kepulauan haba perbandaran.
- iv. Mengkaji semula garis panduan dan piawaian yang berkaitan alam sekitar.







### **Teras 6: TADBIR URUS BANDAR YANG EFEKTIF**

Satu sistem tadbir urus perbandaran yang berkesan hendaklah diadakan untuk mengurus pertumbuhan dan pembangunan bandar di pelbagai peringkat pentadbiran khususnya di peringkat kerajaan tempatan. Ianya bagi memastikan nilai aset, ekonomi, sosial dan persekitarannya dipelihara dan diberi nilai tambah ke arah menjadikan bandar-bandar di Malaysia lebih mampan.

Pihak Berkuasa Tempatan sebagai agensi utama mengurus perbandaran perlu memperkemaskan sistem pengurusan dan pentadbiran dengan mengoptimalkan sumber kewangan termasuk sumber-sumber baru, meningkatkan keupayaan bagi menjadikan bandar-bandar lebih kompetitif dan berdaya maju, mengukuhkan sumber manusia dengan mempunyai kakitangan yang mahir dan berpengalaman serta memperluaskan penggunaan teknologi.



Dalam menghadapi kepesatan proses urbanisasi, Pihak Berkuasa Tempatan perlu memberi penekanan kepada penggunaan kaedah dan teknologi yang inovatif yang dapat mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan dalam semua aspek perancangan, pembangunan dan pengurusan bandar. Disamping itu, ia juga dapat menyumbang kepada pengurusan alam sekitar yang lebih mampan.

Sistem pengurusan dan pentadbiran yang diamalkan perlulah berteraskan kepada budaya kerja yang berintegriti, telus dan cekap untuk memastikan sistem penyampaian yang lebih berkesan. Untuk itu, sistem dan prosedur kerja, kaedah pelaksanaan, piawaian dan garis panduan yang berkaitan perlulah dikaji semula dan diperkukuhkan untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan mencapai tahap yang terbaik. Bagi menyokong tindakan-tindakan yang dijalankan, perundangan-perundangan sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran bandar perlu dikaji semula bagi memastikan penguatkuasaan dan pelaksanaan pembangunan bandar dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Pihak Berkuasa Tempatan perlulah mengadakan kerjasama yang erat dengan masyarakat setempat, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta dalam merancang dan melaksanakan program perancangan dan pengurusan bandar yang sesuai bagi memenuhi keperluan dan menangani masalah penduduk secara mampan sepertimana yang disarankan dalam Local Agenda 21. Kerjasama ini juga akan memberi peluang kepada masyarakat tempatan untuk memantau dan menyalurkan maklumbalas tentang program-program yang dijalankan di kawasan mereka. Untuk membolehkan cadangan ini dilaksanakan, Pihak Berkuasa Tempatan perlu mempunyai satu unit yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan menguruskan program-program untuk meningkatkan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti perancangan dan tadbir urus bandar. Untuk itu, dasar-dasar dan langkah-langkah yang dicadangkan adalah:



### DPN 27

**Keupayaan institusi perlu diperkukuhkan untuk melaksanakan pentadbiran dan pengurusan bandar yang lebih cekap dan berkesan.**

#### Langkah

- i. Menstruktur semula organisasi institusi pengurusan bandar.
- ii. Meningkatkan guna tenaga di semua peringkat PBT termasuk menambah kakitangan teknikal daripada kumpulan pengurusan dan profesional.
- iii. Merujuk dan menyesuaikan penanda aras negara maju di dalam menentukan bilangan guna tenaga profesional.
- iv. Memperluaskan perkhidmatan di peringkat Kerajaan Tempatan untuk membolehkan pusingan kerja, lebih banyak peluang kenaikan pangkat dan pertukaran pegawai di antara PBT di dalam negeri yang sama.
- v. Mengkaji semula dan menyelaras perundangan yang berkaitan pentadbiran dan pengurusan bandar.
- vi. Mengadakan perancangan pembangunan sumber manusia yang komprehensif termasuk pusingan kerja, 'job enrichment', peluang kenaikan pangkat dan memberi latihan berterusan bagi meningkatkan keupayaan, kemampuan dan kepakaran kakitangan.
- vii. Menubuhkan institusi latihan khusus untuk pengurusan perbandaran.
- viii. Mengadakan kepimpinan dan pengurusan yang dinamik, teguh serta prestasi keupayaan yang baik.
- ix. Mengenalpasti sumber hasil baru serta meningkatkan pengurusan kewangan.
- x. Melaksanakan pengurusan aset yang lebih efisien dan sistematik bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan memanjangkan jangka hayat peralatan.
- xi. Menyeragamkan peraturan dan prosedur yang berkaitan dengan kelulusan perancangan dan kegunaan tanah.
- xii. Mempercepatkan kelulusan permohonan pembangunan.
- xiii. Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi bagi meningkatkan pengurusan yang berkualiti dan memperbaiki pemberian perkhidmatan dengan melaksanakan sistem secara elektronik seperti 'e-licensing', 'e-assessment', 'e-submission' dan sebagainya.
- xiv. Mengambil pendekatan dan kaedah inovatif bagi meningkatkan keberkesanan prosedur, pengendalian yang lebih anjal, penglibatan komuniti yang lebih meluas dan penggunaan teknologi yang terkini.

### DPN 28

**Amalan tadbir urus korporat yang baik untuk menggalakkan budaya pengurusan yang terbuka, berintegriti dan bertanggungjawab.**

#### Langkah

- i. Menggunapakai prinsip tadbir urus korporat di dalam pentadbiran bagi;
  - a. Melaksanakan program-program Islam Hadhari;
  - b. Melaksanakan Pelan Integriti Nasional (PIN);
  - c. Mengurangkan karenah birokrasi;
  - d. Menjalankan pemantauan yang cekap dan tegas;
  - e. Meningkatkan sistem penyampaian;
  - f. Melaksana kepimpinan dan pengurusan yang berkesan;
  - g. Mengamalkan ketelusan;
  - h. Menguruskan kewangan dan sumber secara berhemah; dan
  - i. Melaksanakan 'Key Performance Indicators' (KPI).
- ii. Menyediakan dan menerimapakai satu kod tadbir urus bandar untuk kesemua PBT.
- iii. Mengamalkan pengurusan dan budaya kerja yang berasaskan pengetahuan.
- iv. Meningkatkan penglibatan institusi secara langsung di dalam aktiviti kemasyarakatan.



**DPN 29**

**Penglibatan masyarakat digalakkan dalam perancangan dan tadbir urus bandar.**

**Langkah**

- i. Melaksanakan program “Local Agenda 21” dalam proses menyediakan dasar, strategi dan pelan tindakan pembangunan mampan.
- ii. Menubuhkan satu bahagian di pihak berkuasa tempatan untuk menyelaras dan menguruskan program-program untuk meningkatkan penglibatan masyarakat tempatan.
- iii. Memastikan setiap PBT menubuhkan unit perhubungan awam.
- iv. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan peruntukan kewangan untuk mengurus Program Penglibatan Masyarakat.
- v. Memudahkan masyarakat untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan perancangan dan tadbir urus bandar.
- vi. Meningkatkan kesedaran masyarakat di dalam aspek perancangan dan budaya menyelenggara.
- vii. Menggalakkan penglibatan masyarakat, swasta dan BBK dalam perancangan pembangunan dan mengurus persekitaran bandar.
- viii. Menggerakkan JKKK dan menggalakkan penubuhan persatuan penduduk dan Rukun Tetangga.
- ix. Menggalakkan syarikat swasta dan badan bukan kerajaan untuk menyumbang kepada pembangunan kemudahan masyarakat.

**DPN 30**

**Penggunaan teknologi inovatif dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan bandar.**

**Langkah**

- i. Membangun dan menggunakan teknologi inovatif dalam perancangan, penyediaan infrastruktur dan utiliti serta pengurusan perkhidmatan bandar.
- ii. Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara efisien untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan bagi urusan pentadbiran dan penyebaran maklumat kepada orang awam.
- iii. Menggunapakai teknologi yang mengurangkan penjanaian sisa.
- iv. Menggalakkan pembinaan bangunan mesra alam dengan konsep ‘green building’ dan penggunaan tenaga yang efisien.
- v. Menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui secara efisien.





## 8.0 PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

Dasar Perbandaran Negara perlu mempunyai pelan tindakan bagi melaksanakan dasar-dasar yang telah digubal. Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia adalah bertanggungjawab menyediakan dan memastikan pelaksanaan Dasar Perbandaran Negara. Tanggungjawab pelaksanaan dasar ini perlu dilaksanakan bersama oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang bertanggungjawab dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan perbandaran.

Terdapat keperluan untuk mengadakan hubungan kerjasama bagi melaksanakan langkah-langkah yang menjadi tanggungjawab bersama antara pelbagai kementerian, jabatan dan agensi terbabit. Agensi yang dikenalpasti bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar-dasar dan langkah-langkah dalam DPN perlu menterjemahkan dasar-dasar tersebut ke dalam program dan projek masing-masing. Cadangan program dan projek ini akan memberi implikasi kewangan yang perlu diserap oleh pelbagai agensi pelaksana dan dijadikan sebagai asas untuk mendapatkan bajet tahunan dan Rancangan Malaysia Lima Tahun. Pemantauan pelaksanaan dasar dan peruntukan yang mencukupi perlu diadakan untuk memastikan DPN dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Jadual 2.0 menunjukkan ringkasan dasar, langkah dan agensi pelaksana yang telah dikenalpasti.

**JADUAL 2.0 PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN DASAR DAN LANGKAH**

TERAS 1 PEMBANGUNAN PERBANDARAN YANG EFISIEN DAN MAMPAN		
DASAR	LANGKAH	AGENSI PELAKSANA
<b>DPN 1</b> DPN menjadi rangka kerja asas pembangunan bandar-bandar di Malaysia.	i. Memastikan semua rancangan pembangunan dan pemajuan (RFN, RW, RSN, RT dan RKK) mematuhi dasar-dasar yang telah digariskan di dalam DPN.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	ii. Melaksanakan pemantauan terhadap semua rancangan pembangunan dan pemajuan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
<b>DPN 2</b> Pembangunan bandar-bandar perlu berdasarkan kepada sistem hierarki bandar DPN.	i. Memastikan perancangan pembangunan bandar perlu berdasarkan hierarki bandar dan komponen bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	ii. Menggunapakai definisi bandar DPN bagi menentukan kawasan bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jab. Perangkaan</li> <li>• JPBD</li> <li>• KPKT</li> <li>• PBT</li> </ul>
	iii. Mewujudkan sistem maklumat bandar melalui kajian Profil Bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> </ul>
<b>DPN 3</b> Setiap pembangunan bandar perlu berdasarkan kepada Rancangan Pembangunan dan Pemajuan yang disediakan.	i. Mewartakan semua Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• PBN</li> <li>• KWP</li> <li>• PBT</li> </ul>
	ii. Mengenalpasti dan menyegerakan penyediaan Rancangan Wilayah bagi konurbasi-konurbasi pertumbuhan negara dan wilayah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> </ul>
	iii. Menjadikan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas sebagai panduan utama dalam proses kelulusan perancangan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	iv. Menyelaras dan memantau pelaksanaan rancangan pembangunan dan pemajuan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	v. Menyelaras dan memantau perancangan pembangunan kawasan konurbasi melalui Jawatankuasa Perancang Wilayah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	vi. Menguatkuasakan pematuhan terhadap semua Rancangan Pembangunan dan Pemajuan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	vii. Menubuhkan pangkalan data gunatanah yang komprehensif di peringkat negeri dan tempatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>



**TERAS 1 PEMBANGUNAN PERBANDARAN YANG EFISIEN DAN MAMPAN**

DASAR	LANGKAH	AGENSI PELAKSANA
<b>DPN 4</b> Had pembangunan bandar (urban growth limit) ditentukan berasaskan daya tampungan bagi setiap bandar di seluruh negara.	i. Menetapkan had pembangunan bandar (uban growth limit) yang berasaskan daya tampungan bagi setiap bandar dalam Rancangan Tempatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• PBT</li> </ul>
	ii. Menetapkan kriteria Had Pembangunan Bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> </ul>
	iii. Mengkaji semula had pembangunan bandar yang telah ditetapkan mengikut jangka masa yang bersesuaian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• PBT</li> </ul>
<b>DPN 5</b> Perancangan gunatanah yang optima dan seimbang perlu diberi penekanan dalam pembangunan bandar.	i. Memastikan pembangunan ditumpukan di dalam kawasan had pembangunan bandar bagi mewujudkan pembangunan bandar yang padat (compact city).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	ii. Memastikan setiap pembangunan baru yang dijalankan bersesuaian (compatible) dengan guna tanah sekitarnya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• PBT</li> </ul>
	iii. Mensyaratkan Penilaian Impak Sosial dilaksanakan didalam perancangan dan kelulusan semua aktiviti pembangunan awam dan swasta.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	iv. Memastikan zon tempat kerja disediakan berhampiran dengan tempat kediaman dan dilengkapi dengan kemudahan rekreasi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	v. Menggalakkan pembangunan perumahan di dalam pusat bandar atau berdekatan pusat aktiviti yang mempunyai akses kepada kemudahan dan pengangkutan yang baik.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	vi. Memastikan kemudahan bengkel dan kilang-kilang kecil yang menimbulkan pencemaran alam sekitar serta menjana lalu lintas yang tinggi dizonkan di kawasan yang bersesuaian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
<b>DPN 6</b> Pembangunan bandar perlu memberi keutamaan kepada pembangunan semula di dalam kawasan bandar.	i. Melaksanakan pembangunan 'infill' di kawasan yang berpotensi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	ii. Mengenalpasti dan menyediakan inventori kawasan-kawasan 'brownfield'.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JAS</li> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> </ul>
	iii. Merancang dan menyediakan program pembangunan semula kawasan 'brownfield'.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	iv. Menjana semula kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan (urban regeneration).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	v. Membaik pulih kawasan tanah tercemar sebelum dibangunkan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JAS</li> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> <li>• Swasta</li> </ul>
	vi. Mewujudkan satu agensi yang bertanggungjawab merancang dan menguruskan pembangunan semula di bandar-bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKT</li> </ul>
	vii. Menggalakkan penglibatan pihak swasta melalui penyediaan insentif dan program usahasama dengan pihak kerajaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKT</li> <li>• PBN</li> </ul>

TERAS 1 PEMBANGUNAN PERBANDARAN YANG EFISIEN DAN MAMPAN		
DASAR	LANGKAH	AGENSI PELAKSANA
<b>DPN 7</b> Pembangunan kampung di dalam bandar perlu diintegrasikan dengan pembangunan bandar.	i. Membangunkan semula kawasan-kawasan kampung yang sesak, tidak terancang dan terpinggir dari arus pembangunan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	ii. Memelihara ciri-ciri keunikan kampung disamping melengkapkan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan utiliti serta kemudahan awam di dalam kawasan kampung.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JKT</li> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	iii. Menggalakkan pendekatan Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB) sebagai kaedah alternatif dalam membangunkan kampung di dalam bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	iv. Menyediakan premis-premis dan bangunan perniagaan mampu milik untuk meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk tempatan di dalam kawasan kampung.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	v. Melaksanakan pembangunan kampung baru berdasarkan kepada Pelan Induk Kampung Baru.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JKT</li> <li>• KPKT</li> </ul>
<b>DPN 8</b> Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Kawasan Pertanian Utama perlu dipelihara.	i. Melindungi dan memelihara kawasan-kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan pertanian utama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KPIAT</li> <li>• KWP</li> <li>• NRE</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	ii. Menjadikan kawasan hijau sebagai zon penampungan untuk menghadkan pembangunan bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KPIAT</li> <li>• KWP</li> <li>• NRE</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>





**TERAS 1 PEMBANGUNAN PERBANDARAN YANG EFISIEN DAN MAMPAN**

DASAR	LANGKAH	AGENSI PELAKSANA
<p><b>DPN 9</b> Kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi perlu disediakan mengikut keperluan penduduk.</p>	<p><b>i.</b> Memastikan kawasan rekreasi disediakan mengikut hierarki dan garis panduan serta piawaian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JLN</li> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	<p><b>ii.</b> Menyediakan kawasan-kawasan tanah lapang awam yang mencukupi melalui pemakaian sasaran petunjuk 2 hektar : 1000 penduduk bandar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Perhutanan</li> <li>• JLN</li> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	<p><b>iii.</b> Memastikan kawasan lapang dan rekreasi dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sukan mengikut keperluan dan permintaan penduduk setempat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JLN</li> <li>• JPBD</li> <li>• KBS</li> <li>• KPKT</li> <li>• PBT</li> </ul>
	<p><b>iv.</b> Mewarta kawasan rekreasi dan memantau pelaksanaan pembangunannya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	<p><b>v.</b> Menggalakkan pembangunan rangkaian hijau yang berkesinambungan dan bersepadu di bandar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JLN</li> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• NRE</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	<p><b>vi.</b> Memastikan pembangunan menghadap sungai dan badan air.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• JPS</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	<p><b>vii.</b> Menggunakan Dasar Lanskap Negara dalam penyediaan landskap.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JLN</li> <li>• JPBD</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	<p><b>viii.</b> Mengkaji semula garis panduan dan piawaian berkenaan penyediaan kawasan lapang dan rekreasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• PBT</li> </ul>

**TERAS 2 PEMBANGUNAN EKONOMI BANDAR YANG KUKUH, DINAMIK DAN BERDAYA SAING**

DASAR	LANGKAH	AGENSI PELAKSANA
<p><b>DPN 10</b> Pembangunan aktiviti ekonomi bandar yang bernilai tambah dan berintensifkan pengetahuan (k-ekonomi) di semua konurbasi digalakkan.</p>	<p>i. Menerimapakai konsep kluster di dalam konurbasi untuk menggalakkan pertumbuhan aktiviti-aktiviti bernilai tambah yang tinggi dan berintensifkan pengetahuan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KSTI</li> <li>• KWP</li> <li>• MITI</li> <li>• PBN</li> </ul>
	<p>ii. Mengenalpasti kawasan-kawasan khusus di mana jenis-jenis kluster sedia ada wujud dan memfokuskan pelaburan ke kawasan tersebut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KSTI</li> <li>• MITI</li> <li>• PBN</li> </ul>
	<p>iii. Mengenalpasti dan membangunkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk menempatkan institusi latihan dan pendidikan tertiar bagi menyediakan tenaga mahir.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPTM</li> <li>• KSM</li> <li>• PBN</li> </ul>
	<p>iv. Menggalakkan pembentukan 'cybercity' dan 'cybercentre' untuk menjadi pemangkin pertumbuhan k-ekonomi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KSTI</li> <li>• KWP</li> <li>• MITI</li> <li>• PBN</li> </ul>
	<p>v. Mempromosi pembangunan taman perniagaan (business park) secara integrasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MIDA</li> <li>• MITI</li> <li>• PBN</li> </ul>
	<p>vi. Memastikan penyediaan infrastruktur IT yang efisien untuk menggalakkan pembangunan e-perniagaan dan e-perdagangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KSTI</li> <li>• KTAK</li> <li>• PBN</li> </ul>
	<p>vii. Membangunkan kemudahan rekreasi dan kebudayaan yang sesuai untuk persekitaran kehidupan bandar yang kondusif kepada pelabur dan penduduk tempatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• KeKKWa</li> <li>• KWP</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
	<p>viii. Meningkatkan promosi konurbasi sebagai pusat pelaburan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KWP</li> <li>• MIDA</li> <li>• MITI</li> <li>• PBN</li> </ul>
<p><b>DPN 11</b> Pembangunan ekonomi Pusat Petempatan Utama dan Kecil perlu digiatkan untuk menyokong peranannya dalam pembangunan wilayah.</p>	<p>i. Menggunapakai konsep kluster bagi memperkukuhkan ekonomi bandar dan hubungannya dengan kawasan pedalaman.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KKLBW</li> <li>• LKW</li> <li>• MITI</li> <li>• PBN</li> <li>• PBT</li> </ul>
